



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA SEGERA** **SARAWAK HARI INI MEREKODKAN LIMA BELAS (15)** **LAGI KES BAHARU POSITIF COVID-19**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Sarawak hari ini merekodkan **lima belas (15) lagi** kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah bilangan kes di Sarawak sebanyak **363 kes** sejak kes positif pertama dilaporkan pada 13 Mac 2020. Semua 15 kes tersebut dirawat di Hospital Umum Sarawak.

Manakala, sebanyak **119 kes baharu** *Person Under Investigation* (PUI) dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **2,799 kes**. Daripada jumlah itu, **2,284 kes** adalah negatif dan **152 kes PUI** masih menunggu keputusan makmal.

## Statistik Kes PUI baharu mengikut Daerah.

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Kuching	79
2	Serian	15
3	Samarahan	8
4	Miri	5
5	Bintulu	4
6	Bau	3
7	Sri Aman	3
8	Lundu	1
9	Tatau	1
<b>JUMLAH</b>		<b>119</b>

## **2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP**

Pada hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak **97%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **21 orang** di Sarawak kerana melanggar PKP dan **137 orang** telah dikompaun.

Sehingga hari ini, sejak tempoh PKP bermula 18 Mac, sebanyak **511 orang** telah dikompaun dan **607 orang** telah ditangkap.

### **3. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI PUSAT KUARANTIN**

Pada hari ini terdapat penambahan seramai **26 orang** rakyat Sarawak yang tiba dari luar negara / Semenanjung / Sabah / Labuan menjadikan jumlah keseluruhan seramai **1,078 orang** yang telah ditempatkan di Pusat Kuarantin sebagai PUS (*Person Under Surveillance*) di Bahagian Kuching, Bintulu, Miri dan Limbang.

(Data sehingga 14.04.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching	Hock Lee	116
2		Rajah Court Dormani	85
3		Kuching Park	78
4		Pullman	98
5	Miri	Mega	81
6		Somerset	45
7		Ostay Inn	17
8		Cosy Inn	40
9		Imperial Palace	145
10		Eastwood Resort	25
11		Imperial	32
11	Limbang	Purnama	83
11	Bintulu	Park City Everly	233
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,078</b>

#### **4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana hari ini telah membuat keputusan-keputusan seperti berikut:

1. Setelah kita mendengar pandangan dari pakar-pakar Kesihatan, maka empat (4) **Pasukan Bertindak** akan dibentuk untuk mengukuhkan lagi pengurusan COVID-19 di Sarawak iaitu:

**Pasukan Bertindak Pertama** adalah "**Accelerating Flattening the Curve (Current Wave)**".

Pasukan Bertindak ini akan melihat dan membuat cadangan bagaimana untuk mempercepatkan penurunan lengkung (curve) COVID-19 yang sedang meningkat. Antara perkara yang perlu dititikberatkan adalah isu berkaitan dengan notifikasi kes, penyiasatan kes, pengesanan kontak, pengesanan aktif kes, pendidikan kesihatan dan sebagainya.

Pasukan Bertindak ini juga akan memantau perkembangan isu-isu yang telah dicadangkan. Saya telah melantik Dr. Jamilah Hashim bagi mengetuai Pasukan Bertindak.

**Pasukan Bertindak Kedua** adalah "**Preventing and controlling the next waves**".

Pasukan Bertindak ini perlu melihat dan mengemukakan cadangan tentang bagaimana kita akan bersiap sedia dengan segera supaya persiapan rapi dan berusaha sebaik mungkin untuk menghadapi gelombang COVID-19 yang akan datang, sama ada kecil ataupun besar. Kita perlu belajar daripada masalah apa yang kita hadapi semasa gelombang COVID-19 yang kecil ini dan untuk cuba untuk memperbaikinya.

Pasukan Bertindak ini juga perlu memantau perkembangan isu-isu yang telah dicadangkan. Saya telah melantik Datu Prof. Dr. Andrew Kiyu untuk mengetuai Pasukan Bertindak ini.

**Pasukan Bertindak Ketiga** adalah “ **Preparedness Plan for the Big Wave**”.

YB Dato Sri Prof. Dr. Sim Kui Hian akan mengetuai Pasukan Bertindak ini. Saya mahu beberapa orang pegawai kesihatan dari Hospital Umum Sarawak untuk berada di dalam Pasukan Bertindak ini (Pengarah Hospital, Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit, Ketua Makmal). Saya juga mahu Ahli Farmasi dari Jabatan Kesihatan Sarawak berada di dalam Pasukan Bertindak ini. YB Dato Sri Prof. Dr. Sim Kui Hian akan memutuskan mana-mana pegawai lain yang akan diperlukan untuk dimasukkan dalam Pasukan Bertindak ini.

## **Pasukan Bertindak Keempat adalah “Real-time Analysis of Data on COVID-19”**

Tugas ini akan ditugaskan untuk mengetahui data yang ada di COVID-19 di Sarawak serta untuk mendapatkan data sekerap mungkin dan untuk mencadangkan apa yang perlu dianalisa. Pasukan Bertindak akan membangunkan kapasiti untuk menganalisis data sama ada oleh anggota Pasukan Bertindak atau kita akan mengambil pakar dari luar.

Secara asasnya, kita perlu tahu apa data yang diperlukan untuk dianalisis dan tindakan segera boleh dilakukan berdasarkan hasil analisis data. Saya mahu tindakan kita didasarkan pada sains dan data (*evidence based*) dan kita tidak boleh berurusan dengan COVID-19 secara membuta tuli. Saya telah melantik Datu Prof. Dr. Andrew Kinyu untuk mengetuai Pasukan Bertindak ini.

## **2. SEKTOR YANG DIBENARKAN SEMASA PKP FASA 3**

### **a) Sektor Pembinaan**

Hanya kerja-kerja yang dianggap penting dan memerlukan ianya dilakukan dengan segera seperti penyelenggaraan jalan raya **DIBENARKAN.**

Walaupun bagaimanapun, kontraktor adalah dibenarkan untuk melakukan kerja-kerja segera seperti menyelenggara dan membersihkan tapak terbuka dimana ianya boleh membahayakan dan berpotensi mengancam keselamatan awam serta berpotensi pembiakan nyamuk Aedes sekiranya terdapat ada takungan. Kerja-kerja hanya dibenarkan dua (2) kali seminggu dengan pekerja yang minimum.

**b) Utiliti**

Kerja-kerja pembaikan yang melibatkan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik adalah **DIBENARKAN**.

**c) Elektronik Dan Perkhidmatan Servis Komputer**

Hanya peniaga dan kedai yang berurusan dengan perkhidmatan dan pembaikan sahaja (tiada jualan) **DIBENARKAN** dibuka pada hari Rabu dan Jumaat dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang

**d) Perbankan Dan Kewangan**

Masih kekal dengan pelaksanaan PKP 1 dan PKP 2.

**e) Sektor Pembuatan Dan SME**

Masih kekal dengan pelaksanaan PKP 1 dan PKP 2.

**f) Sektor Pertanian**

Masih kekal dengan pelaksanaan PKP 1 dan PKP 2.

**g) Kedai Peralatan (*Hardware*)**

Masih kekal dengan pelaksanaan PKP 1 dan PKP 2.

**h) Mekanik, Alat Ganti Dan Membaiki Kereta**

Masih kekal dengan pelaksanaan PKP 1 dan PKP 2.

3. Berhubung dengan pembatalan penerbangan dari Semenanjung ke Sarawak yang telah dimaklumkan semalam yang bermula 15 hingga 30 April, Kementerian Pengangkutan Sarawak telah berbincang dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk membuka semula jadual penerbangan. Hasil perbincangan tersebut, maka jadual yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

a) Kuala Lumpur – Kuching – Kuala Lumpur (1 kali seminggu)

b) Kuala Lumpur – Miri – Kuala Lumpur (1 kali seminggu)

Bagi MasWing pula, jadual yang baru adalah seperti berikut:



- a) Miri – Bintulu -Miri
- b) Kuching – Sibul – Kuching
- c) Sibul – Bintulu – Sibul

Manakala, bagi perkhidmatan kargo yang membawa barangan penting termasuk makanan dan bekalan perubatan ke Sarawak diteruskan sepanjang tempoh PKP ini. Jadual penerbangan Kargo adalah seperti berikut:

- a) Kuala Lumpur – Kuching – Kuala Lumpur (3 kali seminggu)

## **5. RUMUSAN**

Sarawak berada di dalam keadaan yang terkawal dengan kadar pematuhan PKP 97%. Saya menyeru agar rakyat Sarawak terus mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan demi mengekang penularan COVID-19 ini daripada terus merebak.

**(STAY AT HOME, STOP THE SPREAD AND SAVE LIFE)**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**14 APRIL 2020**

**4.30 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****OPERASI PDRM**

Berikut adalah jumlah orang yang telah dikompaun harian mengikut Daerah (sehingga 14.04.2020 @ 8.00 pagi).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Kuching	30
2	Sibu	29
3	Sarikei	13
4	Padawan	11
5	Lawas	7
6	Meradong	6
7	Limbang	5
8	Julau	5
9	Kota Samarahan	4
10	Bintulu	4
11	Betong	4
12	Simunjan	4
13	Miri	3
14	Song	3
15	Serian	2
16	Mukah	2
17	Tatau	2
18	Lubok Antu	2
19	Saratok	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>137</b>

Berikut adalah kes tangkapan harian mengikut Daerah (sehingga 14.04.2020 @ 8.00 pagi).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Kuching	6
2	Sibu	6
3	Miri	3
4	Padawan	3
5	Kota Samarahan	1
6	Simunjan	1
7	Matu Daro	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>21</b>

## **OPERASI PBT DAN NYAHCEMAR**

- i. Seramai 870 kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan tugas semasa PKP dan terdapat 54,610 premis perniagaan dilesen oleh PBT di seluruh negeri Sarawak.
  
- ii. Pada hari ini, sebanyak 16 lokasi operasi nyahcemar telah dilakukan dan bilangan kumulatif lokasi di Bahagian di Sarawak adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	62
2	Miri	43
3	Sarikei	13
4	Limbang	12
5	Samarahan	10
6	Bintulu	9
7	Sri Aman	6
8	Betong	4
9	Sibu	3
10	Serian	1
<b>Jumlah</b>		<b>163</b>

- iii. Secara kumulatif, berikut adalah agensi yang terlibat dalam operasi nyahcemar sehingga 14 April 2020.

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>BILANGAN PETUGAS</b>
1	JBPM	1,232
2	PBT	712
3	KKM	317
4	APM	161
5	RELA	118
6	PDRM	100
7	Pejabat Daerah	35
8	Lain-Lain	49
<b>Jumlah</b>		<b>2,724</b>